

## PENDEKATAN ISLAM HADHARI DAN PERSEPSI BELIA: SATU DAPATAN KAJIAN (Youth Perception toward Islam Hadhari Approach: A Finding)

ADLINA BINTI AB. HALIM\*

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang,  
Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan persepsi golongan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari. Persampelan kajian melibatkan satu ribu orang responden daripada kalangan belia berumur 19 hingga 30 tahun. Persepsi responden tentang Islam Hadhari telah diukur melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan alat instrumen yang alfanya adalah .807-.907. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Persepsi responden tentang Pendekatan Islam Hadhari diukur menggunakan empat Skala Likert. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai persepsi yang baik terhadap pendekatan Islam Hadhari ( $\min=3.3114$ ). Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara persepsi responden dan empat profil (umur, subjek TITAS serta tahap pendidikan ibu dan bapa responden). Seterusnya, hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah berbeza mengikut agama, etnik, tempat tinggal dan latar belakang pendidikan bapa dan ibu responden.*

**Kata Kunci:** Pendekatan Islam Hadhari, persepsi, belia

### ABSTRACT

*This article discuss about the perceptions among Malaysian youth toward Islam Hadhari approach. This survey involved a sampling of one thousand respondents from age 19 to 30 years old. The survey instrument used in this study was tested using the reliability test with a Cronbach alpha value between .807-.907. Data was gathered through a survey method by using a questionnaire instrument answered by the respondents. The respondents' perceptions toward Islam Hadhari approach was measured based on four Likert Scale. Finding of*

\*Corresponding Author: Adlina Binti Ab. Halim, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia. E-mail:adlina@putra.upm.edu.my  
Diserahkan: 23 Disember 2010  
Diterima: 5 Februari 2011  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2011-0301-02>

*this study indicates that there was a significant relationship in perception and four variables from the respondents' profiling (age, TITAS course, education of respondent's father and mother). Also, the result of this survey shows that there was a significant difference based on religion, ethnicity, house location and education of respondent's father and mother.*

**Keywords:** Islam Hadhari approach, youth, perception

## PENDAHULUAN

Pendekatan Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia sebagai satu pendekatan untuk membangunkan ummah dan negara berdasarkan perspektif ketamadunan Islam. Sebagaimana yang dimaklumi, Islam Hadhari bukanlah satu istilah yang merujuk kepada agama atau mazhab yang baru, tetapi ia merupakan satu pendekatan dan usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas fundamental yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadis (Pekeliling Am 2007). Pendekatan Islam Hadhari ini merupakan suatu pendekatan komprehensif yang memberikan penekanan kepada pembangunan fizikal dan spiritual secara bersepadu, holistik dan seimbang kepada seluruh rakyat serta berupaya menjadi pendorong kepada daya saing bangsa Melayu di peringkat global. Pendekatan ini berupaya membentuk modal insan yang mempunyai minda kelas pertama selaras dengan aspirasi negara menuju ke arah Wawasan 2020 (Abdullah Ahmad Badawi 2006, 2007; JAKIM 2005). Selaras dengan ini, pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap pendekatan Islam Hadhari perlulah diberikan perhatian yang serius. Sejauh manakah masyarakat umum menghayati pendekatan ini atau hanya sekadar pernah mendengar slogannya sahaja? Justeru, perbincangan artikel ini akan memfokuskan kepada pandangan dan persepsi generasi muda masyarakat khususnya golongan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari ini.

Perbincangan dalam artikel terbahagi kepada tujuh bahagian. Bahagian pertama ialah huraian tentang penerimaan pendekatan Islam Hadhari dalam kalangan masyarakat. Kedua, mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam dasar pentadbiran negara melalui pendekatan Islam Hadhari. Seterusnya artikel menerangkan tentang objektif dan metodologi kajian yang merangkumi aktiviti pengumpulan data, pensampelan dan analisis kajian. Huraian tentang dapatan kajian dan perbincangan diperincikan sebelum kesimpulan dan cadangan di akhir artikel ini.

## PENERIMAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Bahagian ini menghuraikan tentang penerimaan pendekatan Islam Hadhari dalam kalangan masyarakat umum berdasarkan pandangan beberapa sarjana dan pemimpin masyarakat. Sejak pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan,

ramai pihak khasnya dalam kalangan para pemikir Islam, ahli akademik dan ahli politik telah cuba mengupas kepentingan sepuluh prinsip utama Islam Hadhari daripada pelbagai perspektif.

Mengikut pandangan Wan Mohd Nor (2006), pendekatan Islam Hadhari dapat melahirkan masyarakat Islam Hadhari, dalam erti kata masyarakat yang beradab dan bertamadun. Beliau berpendapat bahawa istilah ‘masyarakat hadhari’ lebih tepat digunakan kerana tujuan utama ialah untuk memajukan umat atau masyarakat Islam sebagai teras kepada masyarakat Malaysia, dan juga sebagai contoh kepada masyarakat dunia yang ragu-ragu dengan keupayaan umat Islam untuk berperanan positif. Ini kerana teras pembangunan masyarakat Islam Hadhari ialah aqidah, dasar-dasar syariat dan akhlak yang telah dipersetujui ulama muktabar dahulu dan sekarang. Sekiranya masyarakat Islam negara ini mempunyai aqidah yang keliru dan mengamalkan syariat Islam secara tidak bijaksana, akan melahirkan akhlak yang rapuh dan masyarakat yang kurang beradab dan bertamadun, walaupun dikelilingi oleh pembangunan infrastruktur yang canggih dan teknologi yang termaju.

Mengikut pandangan Abdullah Ahmad Badawi (2007) dalam siri ucapannya, beliau menyatakan pendekatan Islam Hadhari telah dirangka sebagai satu alat untuk mengerakkan umat Islam yang lesu, agar kembali mengikuti ajaran Islam. Pendekatan yang digariskan tersebut adalah untuk memperkasakan umat Islam supaya berupaya menghadapi cabaran dunia semasa. Pandangan ini disokong oleh Mohamed Shariff (2006) yang berpendapat bahawa prinsip-prinsip yang digubal dalam pendekatan Islam Hadhari adalah berlandaskan ciri-ciri khusus Islam seperti universal, ketuhanan, moraliti dan toleransi. Tetapi tidak bermakna prinsip-prinsip atau idea lain yang tidak terkandung dalam sepuluh prinsip Islam Hadhari tidak boleh dikategorikan sebagai Islam Hadhari, malah prinsip yang digubal mengambil pendekatan keperluan yang perlu ada dalam negara dan masyarakat Islam.

Perlu ditekankan bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah merentasi penerimaan pelbagai etnik, majoriti dan minoriti yang ada dalam masyarakat Malaysia. Mengikut pandangan Sarjit (2007), pendekatan Islam Hadhari adalah sesuai bagi seluruh masyarakat Malaysia yang bersifat pluralistik. Menurutnya, pendekatan ini wajar diberikan perhatian oleh masyarakat tanpa mengira latar belakang agama kerana Islam Hadhari berpaksikan nilai dan norma positif sekaligus membentuk keperibadian dan sahsiah individu bercirikan agama. Pandangan ini disokong oleh Ridhuan Tee (2005) yang berpendapat bahawa tidak salah sekiranya penganut agama lain memahami Islam Hadhari. Menurutnya, bagi masyarakat Cina, kesemua prinsip ini telah disentuh oleh Confucius dalam ajarannya yang menekankan nilai kemanusiaan. Nilai ini merupakan nilai universal yang dikongsi bersama dan tidak terhad untuk orang Islam sahaja.

Di peringkat awal pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan, timbul pelbagai kontroversi daripada segi penggunaan istilah sehinggahalah kepada kaedah pelaksanaan untuk membangunkan pendekatan ini (Mohd Yusof 2007). Pandangan ini disokong oleh Mohamad Kamil (2008) yang menyeru masyarakat khususnya para cendekiawan supaya bersikap terbuka dalam menerima pendekatan ini. Mungkin ia menjadi kontroversi kerana istilah ini muncul daripada lidah orang politik dan mendapat respons negatif daripada pihak-pihak lain. Dari segi ilmiah, perkataan ‘hadhari’ bukanlah satu istilah yang pelik, terutama bagi mereka yang mendalamai pemikiran Ibn Khaldun, Malik bin Nabi dan al-Qaradhawi sendiri. Menurut beliau lagi, isu Islam Hadhari bukanlah soal pokok yang menyentuh soal aqidah, ibadat khusus dan berkait perkara Qaradhawi tetapi ia berkait dengan urus tadbir negara. Malah, ia merupakan kesinambungan daripada dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran negara dan kesinambungan daripada gagasan perjuangan menjayakan Islam yang syumul.

Ahmad Zahid (2008) pula berpendapat, bahawa ada pihak yang cuba mempolitikkan Islam Hadhari dan sengaja menolak pendekatan ini tanpa alasan yang munasabah. Beliau optimis bahawa lebih ramai masyarakat yang menerima dan memahami daripada menolak pendekatan ini yang hanya sebilangan kecil sahaja. Walau bagaimanapun pendapat ini bercanggah dengan pandangan Mohd. Asri (2008) yang menyarankan agar pendekatan Islam Hadhari dikaji semula. Menurut beliau, setelah empat tahun berlalu, sebilangan besar masyarakat masih tidak memahaminya, malah ada yang mempertikaikannya. Rata-rata mengatakan Islam Hadhari tidak membawa apa-apa erti dan bagi kebanyakan mereka, Hadhari atau tidak Hadhari, kehidupan adalah biasa. Rakyat yang tidak faham akan lebih keliru dengan pendekatan ini.

Pada hemat penulis, pendekatan Islam Hadhari merupakan satu perancangan yang memerlukan jangka masa panjang (*blueprint*) dan tidak boleh diukur keberkesanannya dalam jangka waktu yang singkat. Bukan mudah untuk merubah pandangan masyarakat agar selari dengan wawasan kerajaan yang memerintah. Cuma, agak malang baginya kerana dilahirkan dalam suasana majlis politik. Dalam hal ini, Mohamad Kamil (2008) berpandangan sebenarnya, menerima gagasan Islam Hadhari adalah lebih baik daripada menolaknya. Tinggal lagi bagaimana setiap orang harus berusaha untuk memantapkannya. Saranan Mohamad Kamil (2008) disokong oleh Mohd Yusof (2007) yang berpendapat sehingga kini, rata-rata masyarakat telah menerima pendekatan Islam Hadhari dan isu yang lebih utama ialah pelaksanaannya. Oleh yang demikian, pelaksanaan pendekatan ini perlu lebih serius dan menyeluruh kepada semua rakyat termasuklah masyarakat yang bukan beragama Islam. Mengikut pandangan Ridhuan Tee (2005) pula, rata-rata masyarakat Cina tidak faham tentang pendekatan Islam Hadhari kerana tiada penerangan bersungguh-sungguh dibuat oleh pihak yang berwajib.

Selain itu, peranan agensi pelaksana adalah penting untuk memastikan mesej Islam Hadhari sampai kepada pengetahuan masyarakat. Wan Nik & Asma Husna (2006) memberikan kritikan dari segi agensi pelaksananya, hanya JAKIM yang dilihat aktif dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat umum khususnya kepada kakitangan kerajaan. Ab Ghafar & Badlihisham (2005) bersepakat dan memperincikan bahawa kelemahan ini mempunyai hubung kait kerana organisasi Islam Hadhari berada dalam keadaan yang lebih rendah berbanding organisasi lain. Dengan kata lain, bidang kuasa yang ada pada JAKIM adalah terhad dan adalah wajar sekiranya badan ini diberikan peranan yang lebih luas bagi menjamin keberkesanannya pencapaian objektifnya.

Keseluruhannya, program penjelasan tentang pendekatan Islam Hadhari perlulah dipergiatkan di semua peringkat agensi kerajaan dan masyarakat. Penerangan kepada masyarakat umum perlu diperkasakan kerana mereka masih lagi keliru dan kabur dengan pendekatan ini. Jelasnya, pendekatan Islam Hadhari mempunyai kelebihannya tersendiri dan juga masih lagi mempunyai beberapa kelemahan berdasarkan huraian yang telah dibincangkan. Bahagian seterusnya membincangkan mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam dasar pentadbiran negara melalui pendekatan Islam Hadhari.

## **PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM DASAR PENTADBIRAN NEGARA MELALUI PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Nilai adalah aspek penting dalam pembangunan kerana ia merupakan pendorong kepada perubahan dan kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Masyarakat Malaysia perlu dibangunkan dengan nilai-nilai positif yang dapat mencorakkan kehidupan yang berhemah tinggi, beretika dan bermoral selaras dengan perkembangan masyarakat madani (*civil society*) yang mengamalkan nilai hidup yang berwawasan.

Pengiktirafan Islam sebagai agama persekutuan membolehkan kerajaan melaksanakan pengisian Islam dalam pelbagai aspek pentadbiran dan pemerintahan. Selaras dengan ini, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran negara yang telah bermula pada tahun 1985. Hampir dua dekad dan pada tahun 2003, kerajaan memperkenalkan pula pendekatan Islam Hadhari yang merupakan kesinambungan kepada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI). Kedua-dua dasar ini menjadi garis panduan ke arah pembentukan akhlak yang terpuji dalam kehidupan setiap rakyat Malaysia. Amalan etika kerja Islam ini adalah penting untuk mencapai kecemerlangan dalam pentadbiran dan pengurusan konsep budaya kerja yang bersepadu berasaskan ilmu (Shafie & M. Affandi 1991).

Mengapakah dasar penerapan nilai-nilai Islam dan pendekatan Islam Hadhari ini penting dalam pentadbiran negara? Pengukuhan dan penyuburan nilai-nilai Islam adalah penting dan perlu diusahakan di seluruh peringkat

pengurusan untuk mewujudkan budaya perkhidmatan yang bersih dan cekap. Perkhidmatan yang bersih sekali gus dapat menghindarkan seseorang daripada melakukan penyelewengan, rasuah, pecah amanah, menipu, ponteng kerja dan sebagainya. Seterusnya, apakah nilai-nilai Islam tersebut? Terdapat banyak nilai-nilai positif yang boleh diamalkan sama ada bagi penjawat awam yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Nilai-nilai yang diutamakan ialah berilmu, berakhlik mulia, beretika, bertanggungjawab, berdisiplin, bekerjasama, bertoleransi, bermotivasi, berfikiran terbuka, rajin berusaha, sabar, dedikasi, tekun (*itqan*), ikhlas, jujur, bersih, cekap dan amanah.

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran melalui pendekatan Islam Hadhari bertujuan untuk menanam nilai-nilai murni dalam sistem pentadbiran negara. Justifikasi nilai-nilai ini diperkenalkan oleh kerajaan adalah supaya rakyat Malaysia mempunyai sifat jati diri dan iltizam yang kental. Nilai yang positif perlu dipertahankan bagi memaksimumkan potensi diri individu dan masyarakat. Manakala nilai negatif perlu dikikis bagi membebaskan masyarakat daripada kemunduran dan kejahanan.

Sebagaimana pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, pendekatan Islam Hadhari perlulah dipraktikkan oleh semua penjawat awam. Ini kerana setiap tugas yang dipertanggungjawabkan adalah amanah yang berat dan akan dipersoalkan kelak. Kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan pendekatan Islam Hadhari ini telah direalisasikan melalui aktiviti ceramah, bengkel, seminar, kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Penerbitan koleksi teks ucapan dan pembentangan kertas kerja dalam bentuk buku dan prosiding berkaitan dengan pendekatan ini juga merupakan usaha yang harus dipuji. Pendekatan Islam Hadhari berusaha untuk memastikan pencapaian sepuluh prinsip utama seperti berikut:

### **1. Keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi**

Penekanan kepada penyuburan iman dalam diri setiap individu akan melahirkan ketakwaan kepada Allah dan membentuk akhlak yang terpuji. Penumpuan prinsip ini bukan hanya untuk masyarakat Islam sahaja tetapi juga merangkumi masyarakat bukan Islam. Perbezaan agama tidak bermakna masyarakat tidak boleh bersatu kerana kesatuan dalam masyarakat wujud apabila titik persamaan dalam ajaran akhlak dan moral mengikut acuan agama masing-masing dapat dikongsi bersama (Ab. Syukor 2006).

### **2. Kerajaan adil dan beramanah**

Prinsip keadilan perlu ditegakkan dalam pemerintahan sesebuah negara. Islam amat menekankan konsep keadilan dan pemerintah yang tidak berlaku adil kepada rakyatnya dianggap pemimpin yang tidak bermoral. Ini kerana prinsip keadilan dalam Islam ialah ‘meletakkan sesuatu di tempatnya’. Kerajaan yang beramanah juga penting dengan melaksanakan penerapan

nilai-nilai murni, perkhidmatan yang bersih, berintegriti dan tidak berlaku sebarang penyelewengan harta dan kewangan kerajaan (Ab. Aziz 2006a).

**3. Rakyat berjiwa merdeka**

Iman dan takwa akan membentuk individu yang berjiwa merdeka dan mempunyai jati diri yang kental. Semangat jiwa merdeka ini mesti dipamerkan dengan mempertahankan negara daripada segala ancaman musuh. Penghayatan semangat patriotisme, nasionalisme dan cintakan negara amat penting dan perlu dipupuk dalam diri setiap lapisan masyarakat (Sidek 2006a).

**4. Penguasaan ilmu pengetahuan**

Penguasaan ilmu pengetahuan amat penting bagi menentukan hala tuju seseorang. Setiap percakapan dan tindakan yang berteraskan ilmu pengetahuan akan dihormati dan disanjung. Islam memandang tinggi penguasaan ilmu pengetahuan kerana orang yang berilmu lebih tinggi darjatnya di sisi Allah daripada mereka yang kosong ilmu (Sidek 2006b).

**5. Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif**

Pembangunan ekonomi mestilah diseimbangkan dengan pembangunan rohani dan spiritual agar masyarakat yang terbentuk adalah masyarakat yang mempunyai aqidah yang teguh dan keimanan yang mantap, seiring dengan kepesatan ekonomi dan kemajuan teknologi yang terkini (Nik Mustapha 2006).

**6. Kehidupan berkualiti**

Kehidupan berkualiti merujuk kepada taraf sosio-ekonomi yang baik, ikatan kekeluargaan yang kukuh dan persekitaran yang harmoni. Kehidupan yang berkualiti tidak semestinya kehidupan yang mewah tetapi seimbang dalam semua aspek. Islam menggalakkan umatnya berusaha mencari rezeki yang halal untuk menjamin kualiti hidup di dunia dan kesejahteraan di akhirat (Ab. Aziz 2006b).

**7. Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita**

Keprihatinan dan pembelaan terhadap golongan wanita dan hak kumpulan minoriti seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU), anak yatim dan ibu tunggal perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Islam menganjurkan konsep amal jariah melalui bersedekah dan mengeluarkan zakat supaya golongan ini mendapat pembelaan dan bantuan dalam menguruskan kehidupan harian (Jawiah 2006).

**8. Keutuhan budaya dan moral**

Nilai budaya dan moral berteraskan Islam merupakan prinsip yang harus dipertahankan dalam masyarakat. Dalam arus globalisasi sekarang,

kekuatan nilai-nilai murni dan akhlak Islamiyyah adalah benteng pertahanan diri seseorang daripada terjebak dalam gejala keruntuhan akhlak dan moral khususnya golongan muda sekarang (Mohd. Kamal 2006).

#### **9. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar**

Islam memberi perhatian kepada hubungan manusia dan alam sekitar yang merupakan anugerah tuhan untuk dinikmati bersama. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta penjagaan biodiversiti amat penting bagi menjamin kestabilan ekosistem yang menjadi sumber makanan, udara, air dan keperluan manusia (Mohd. Yusof 2006).

#### **10. Kekuatan pertahanan dan perpaduan**

Kekuatan pertahanan sesebuah negara dapat menjamin keselamatan, keamanan dan keharmonian rakyatnya. Tanggungjawab pertahanan negara adalah tanggungjawab yang perlu dipikul bersama-sama. Ikatan perpaduan dan toleransi yang utuh dalam masyarakat majmuk juga menyumbang kepada kestabilan sesebuah negara. Islam sendiri amat menitik beratkan soal keselamatan negara dan perpaduan sejagat (Jamil Khir 2006).

### **PERLAKSANAAN ISLAM HADHARI MENGIKUT KAEDAH SIASAH SYAR'IYYAH**

Kaedah *siasah syar'iyyah* dalam Islam bertujuan untuk menjaga kepentingan umum. Ia merupakan kaedah atau cara yang dilaksanakan oleh pemerintah untuk membawa masyarakat kepada kebaikan dan menghindari mereka daripada keburukan. Bersesuaian dengan ini, pendekatan Islam Hadhari adalah mengikut kaedah *siasah syar'iyyah* yang bersandarkan kepada maslahah ammah (kemaslahatan umum) bagi tujuan memakmurkan dunia dalam ruang lingkup memberi rahmat kepada seluruh alam. Hukum syariah adalah sesuai pada setiap zaman dan setiap tempat kerana sifatnya yang universal (*syumul*) dan anjal serta fleksibel pada semua keadaan. Segala perancangan yang mengambil kira kepentingan manusia sejagat meliputi aspek sosial, pembangunan ekonomi, kehidupan berkualiti, pertahanan dan perpaduan masyarakat ini merupakan satu tugas menunaikan amanah Allah sebagai khalifah di muka bumi (Mohamed Shariff 2006; Nazri 2006)

### **MODUS OPERANDI PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Tumpuan awal pendekatan Islam Hadhari adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai prinsip-prinsip umumnya pendekatan ini kepada seluruh lapisan masyarakat (Pekeling Am 2007). Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2004 meminta supaya agensi-agensi kerajaan mempromosikan pendekatan Islam Hadhari melalui pembaharuan dan penambahbaikan. Pada 17 Oktober 2004 Jemaah Menteri telah melantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras bagi melaksanakan pendekatan Islam

Hadhari (Mustapha 2007). Selain JAKIM, tugas melaksanakan pendekatan Islam Hadhari telah dipertanggungjawabkan kepada 7 agensi pelaksana, dengan sasaran masing-masing iaitu Pejabat Penasihat Agama kepada YAB PM, JASA, JAPIM, JPT, KAGAT, IKIM dan YADIM. Usaha oleh JAKIM bersama-sama 28 kementerian telah merangka Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (2006-2010) peringkat kementerian. Perancangan strategik yang mengandungi 66 strategi ini digubal selaras dengan RMK9 dan dasar-dasar yang sedia ada seperti Pelan Integriti Nasional (PIN) dan lain-lain (JAKIM 2005; Kerajaan Malaysia 2006).

Usaha memberikan kefahaman kepada masyarakat telah dipergiatkan di semua peringkat. Sehingga Jun 2007, sebanyak 86 program yang bercorak memberikan kefahaman tentang Islam Hadhari telah dilaksanakan di seluruh negara berbentuk ceramah, bengkel, kursus, mesyuarat dan Perkampungan/ Pameran Hadhari (Pemberitahuan Pertanyaan Dewan Rakyat 2007). Bagi masyarakat bukan Islam, beberapa program penjelasan telah dilaksanakan oleh IKIM dan JAKIM. Di peringkat IPTA dan IPTS pula, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bertanggungjawab untuk merangka program memberikan kefahaman atas Islam Hadhari di kalangan belia (Pekeliling Am 2007). Selaras dengan usaha memberikan pendedahan atas kepada golongan belia, maka subjek Islam Hadhari telah diserapkan dalam sukanan kurikulum pembelajaran kursus umum universiti yang diajar di kebanyakan IPTA dan IPTS.

## **KAJIAN PERSEPSI BELIA TERHADAP PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Satu kajian berbentuk tinjauan telah dijalankan untuk mengkaji persepsi generasi muda khususnya daripada golongan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari. Sejauh manakah maklum balas, kefahaman dan penerimaan golongan belia dan beliawanis terhadap pendekatan ini? Justifikasi golongan belia ini dipilih sebagai sampel kajian ialah kerana mereka adalah generasi pelapis bagi kepimpinan negara di masa hadapan kelak. Objektif kedua, adalah melihat perkaitan antara persepsi responden dan profil mereka, manakala objektif terakhir untuk melihat perbezaan persepsi berdasarkan profil responden.

Dari segi metodologi, kajian ini berbentuk kuantitatif dan pengumpulan data dijalankan dengan mengedarkan instrumen soal selidik kepada 1000 orang responden dalam kalangan pelajar berbilang kaum, agama dan jantina. Pensampelan menggunakan rawak mudah dan responden terdiri daripada pelajar tahun satu yang mengikuti kursus Hubungan Etnik semester Julai 2007/08 di Universiti Putra Malaysia. Bilangan responden adalah 30% daripada keseluruhan pelajar yang mendaftar bagi mengambil kursus Hubungan Etnik pada semester tersebut. Pengumpulan data dijalankan dengan mengedarkan instrumen soal selidik pada minggu ke-13 dan 14 semester

pengajian, bagi membolehkan responden memberikan pandangan terhadap prinsip-prinsip Islam Hadhari yang telah diajar kepada mereka pada minggu ke-10 pengajian. Terdapat 5 bahagian dalam borang soal selidik dan artikel ini hanya memfokuskan kepada dapatan kajian berdasarkan Bahagian C sahaja (Persepsi terhadap Islam Hadhari, iaitu sejumlah 26 item). Instrumen kajian yang digunakan telah diuji kebolehpercayaannya dengan nilai alfa 0.917 iaitu melebihi 0.6.

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik kekerapan dan deskriptif digunakan untuk mengenal pasti taburan data dan mengukur persepsi responden tentang 10 pendekatan Islam Hadhari. Manakala statistik inferensi iaitu analisis varian dan analisis lanjut seperti korelasi Pearson digunakan untuk melihat perkaitan antara persepsi dan profil responden. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 15.0. Perlu dinyatakan di sini bahawa data yang diperoleh daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan bagi mewakili keseluruhan golongan belia di Malaysia kerana responden terdiri dalam kalangan pelajar tahun satu sahaja.

Dapatan kajian dimulakan dengan taburan min dan sisihan piawai bagi persepsi responden diikuti dengan huraian tentang min keseluruhan persepsi responden. Seterusnya, dapatan kajian menghuraikan tentang perkaitan antara persepsi dan demografi, perbezaan persepsi responden berdasarkan profil serta persepsi responden terhadap sumber maklumat pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari.

a) Taburan min persepsi responden mengenai pendekatan Islam Hadhari

Persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari juga diukur menggunakan Skala Likert iaitu, Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2) Setuju (3) dan Sangat Setuju (4). Taburan kekerapan dan min bagi 26 item di bahagian persepsi responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

<b>Angkubah</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>
1. Penerangan tentang Islam Hadhari belum menyeluruh di kalangan rakyat Malaysia	3.9249	8.57335
2. Islam Hadhari membina jati diri dan melahirkan insan yang cemerlang	3.9120	9.58761
3. Islam Hadhari menuntut umat untuk mencapai kemajuan	3.8000	9.55944
4. Saya berpandangan positif terhadap Islam Hadhari	3.7500	9.57525
5. Islam Hadhari mampu membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai murni	3.7395	8.03592

bersambung...

*...sambungan*

6.	Islam Hadhari penting difahami oleh semua lapisan masyarakat terutama masyarakat Melayu Muslim	3.6740	7.44077
7.	Wacana mengenai Islam Hadhari agak lesu di kalangan orang Melayu	3.6650	8.59725
8.	Tidak salah bagi penganut agama lain memahami Islam Hadhari dan dijadikan panduan mengikut acuan agama masing-masing	3.5080	6.08893
9.	Pendekatan Islam Hadhari mestilah diperkasakan dan penerangan tentang Islam Hadhari perlu dipertingkatkan	3.5040	6.09977
10.	Semua prinsip Islam Hadhari relevan dengan agama yang dianuti oleh masyarakat Malaysia	3.4010	6.81136
11.	Prinsip Islam Hadhari tidak mendiskriminasikan masyarakat bukan Islam	3.3830	5.29096
12.	Pendekatan yang dibawa oleh Islam Hadhari dapat mengeratkan perpaduan dan integrasi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum	3.3490	6.10233
13.	Pensyarah dan rakan-rakan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam memahami Islam Hadhari	3.3130	8.07603
14.	Islam Hadhari mengajak masyarakat Islam menghayati Islam dengan lebih baik	3.3083	4.33713
15.	Prinsip Islam Hadhari merangkumi seluruh aspek kehidupan masyarakat seperti ekonomi, politik dan sosial.	3.3050	4.33391
16.	Islam Hadhari mengajak masyarakat bukan Islam mengikis sikap prejedis terhadap Islam	3.2743	5.30614
17.	Saya menghayati Islam Hadhari dan akan mengaplikasikan prinsip-prinsip tersebut dalam kehidupan saya	3.2070	7.48613
18.	Masyarakat bukan Islam memberikan respons yang baik dan mempunyai semangat ingin tahu tentang kandungan Islam Hadhari	3.1910	7.48161
19.	Jarang kedengaran wakil rakyat terutama pemimpin Melayu menyentuh mengenai Islam Hadhari pada majlis perasmian, pelancaran dan keramaian di peringkat negeri & nasional	3.1712	6.84510
20.	Media massa banyak mempengaruhi saya dalam memahami Islam Hadhari	3.1350	8.09162
21.	Ibumpa dan keluarga memberi tunjuk ajar kepada saya dalam memahami Islam Hadhari	3.0170	8.10989
22.	Islam Hadhari hanyalah teori dan slogan semata-mata **	2.7990	8.12568

*bersambung...*

...sambungan

23.	Saya tidak menyokong pendekatan Islam Hadhari kerana 10 prinsipnya adalah perkara biasa dan sudah diketahui umum **	2.6900	8.13339
24.	Islam Hadhari tidak membawa perubahan dalam masyarakat **	2.6250	6.88519
25.	Pendekatan Islam Hadhari tidak sesuai dilaksanakan di negara kita **	2.4880	7.53941
26.	Islam Hadhari merupakan mazhab atau agama baru **	2.2280	6.91229
Min persepsi responden (keseluruhan)		3.3114	4.50755

\*\* soalan negatif

Bagi menghuraikan persepsi keseluruhan, jumlah keseluruhan min dikira dan dibahagikan dengan jumlah item untuk menghasilkan min keseluruhan. Berdasarkan Jadual 1, min bagi persepsi responden ialah, min = 3.3114 (SP = 4.50755). Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah sangat setuju iaitu positif. Ini bermakna responden dari kalangan belia memberikan respon yang baik dan bersedia menerima pendekatan Islam Hadhari.

b) Persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari

Taburan penentuan min persepsi responden dapat dilihat berdasarkan Jadual 2. Bagi mendapatkan taburan ini, prosedur/kaedah kelas berikut telah digunakan:

c) Perkaitan antara persepsi responden dengan profil

$$\begin{aligned} \text{Selang kelas} &= \frac{\text{skala maksimum} - \text{skala minimum}}{\text{Bilangan kelas yang dikehendaki}} \\ \text{Selang kelas} &= \frac{4 - 1}{4} \\ \text{Selang kelas} &= 0.75 \end{aligned}$$

Jadual 2 Taburan penentuan min persepsi responden

Tahap/kelas	Min
Sangat tidak setuju	1.000 - 1.7500
Tidak setuju	1.7501 - 2.5100
Setuju	2.5101 - 3.2500
Sangat setuju	3.2501 - 4.0000

Berdasarkan ujian korelasi dalam Jadual 3, hasil analisis yang diperolehi menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara persepsi responden dan empat profil responden iaitu bagi umur ( $r = 0.253, p < 0.05$ ); subjek TITAS ( $r = 0.474, p < 0.05$ ); pendidikan bapa ( $r = 0.375, p < 0.05$ ) dan pendidikan ibu ( $r = 0.354, p < 0.05$ ). Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencadangkan bahawa persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari dipengaruhi oleh faktor umur, subjek TITAS dan tahap pendidikan ibu bapa responden.

d) Perbezaan persepsi responden tentang pendekatan Islam Hadhari

Jadual 3 Perkaitan antara pengetahuan dan profil responden

Korelasi	Umur	Subjek TITAS	Pendidikan bapa	Pendidikan ibu
Persepsi responden	0.253 ^ .000	0.474 ^ .000	0.375 ^ .000	0.354 ^ .000

^ signifikan para aras .01

Ujian ANOVA-satu hala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden mengikut profil. Keputusan ujian ANOVA-satu hala dinyatakan dalam Jadual 4. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi yang signifikan di kalangan responden berdasarkan perbezaan agama, tempat tinggal, latar belakang pendidikan responden dan pendidikan ibu bapa ( $p < 0.01$ ). Kajian mencadangkan bahawa persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah berbeza mengikut agama, etnik dan tempat tinggal. Begitu juga dengan perbezaan faktor latar belakang pendidikan (responden, bapa dan ibu), di mana persepsi mereka terhadap Islam Hadhari adalah berbeza.

e) Sumber maklumat pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari

Jadual 4 Ujian ANOVA-satu hala perbezaan persepsi responden berdasarkan profil

	SS	df	MS	F	Sig.
<b>Agama</b>					
- Antara Kumpulan	10281.011	92	111.750	10.535	.000^
- Dalam Kumpulan	9546.587	900	10.607		
Jumlah	19827.597	992			
<b>Etnik</b>					
- Antara Kumpulan	10375.798	92	112.780	5.359	.000^
- Dalam Kumpulan	18942.293	900	21.047		
Jumlah	29318.091	992			
<b>Tempat tinggal</b>					
- Antara Kumpulan	9694.424	92	105.374	9.558	.000^
- Dalam Kumpulan	9922.605	900	11.025		
Jumlah	19617.029	992			

bersambung...

...sambungan

## Pendidikan responden

- Antara Kumpulan	19067.822	92	207.259	9.789	.000^
- Dalam Kumpulan	19055.555	900	21.173		
Jumlah	38123.378	992			

## Pendidikan bapa

- Antara Kumpulan	9872.190	92	107.306	5.210	
- Dalam Kumpulan	18535.553	900	20.595		.000^
Jumlah	28407.742	992			

## Pendidikan ibu

- Antara Kumpulan	23250.025	92	252.718	15.842	
- Dalam Kumpulan	14357.286	900	15.953		.000^
Jumlah	37607.311	992			

Petunjuk : SS=jumlah kuasa dua df=darjah kebebasan MS=min kuasa dua

^signifikan para aras .01

Bahagian ini akan membincangkan tentang persepsi responden terhadap sumber maklumat yang mereka perolehi tentang pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari. Berdasarkan Jadual 5, terdapat empat item (iaitu item 1, 2, 3 dan 4) mendapat peratusan lebih daripada 50%, bermakna item-item yang dihuraikan berikut merupakan sumber maklumat terpenting bagi responden. Seramai 92.7% daripada responden bersetuju bahawa pembelajaran kursus umum universiti seperti Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS) dan Hubungan Etnik adalah sumber maklumat terpenting bagi mereka. Ini berdasarkan sukatan bagi kedua-dua kursus umum tersebut ada menerapkan kefahaman asas tentang sepuluh prinsip Islam Hadhari. Majoriti responden juga bersetuju bahawa sumber maklumat dari media massa (73.2%) dan media elektronik (69.8%) banyak memberikan input kepada mereka tentang pendekatan ini. Manakala item keempat iaitu ucapan-ucapan pemimpin seperti Perdana Menteri, Ahli Parlimen, wakil rakyat, penghulu dan lain-lain dalam majlis-majlis rasmi, ceramah, mesyuarat dan lain-lain turut menyentuh tentang Islam Hadhari. *Rating* yang diberikan oleh responden kepada item ini ialah 54.1%.

Manakala item-item 5, 6, 7 dan 8 adalah sumber-sumber maklumat yang mendapat peratusan kurang daripada 50%. Sumber-sumber maklumat yang dimaksudkan ialah penerbitan buku (49%); aktiviti kokurikulum di peringkat kolej dan universiti (42.1%); Ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan (38.4%) serta papan iklan, poster, bunting di jalan raya (35.7). Berdasarkan peratusan yang diperolehi, kesemua item-item ini dilihat kurang berkesan dalam menyalurkan maklumat tentang Islam Hadhari kepada masyarakat. Sebagai contohnya memang terdapat *billboard*, *bunting*, papan iklan yang telah dipasang di sekitar ibu kota Kuala Lumpur tetapi kuantitinya agak kurang dan perlu ditambah. Oleh yang demikian pihak yang bertanggungjawab seperti JAKIM, Dewan Bandaraya KL (DBKL) dan lain-lain mestilah mengambil inisiatif untuk menambah bilangan tersebut, dan sekiranya perlu, haruslah mencari tajaan daripada pelbagai pihak untuk tujuan itu.

Jadual 5 Sumber maklumat tentang pendekatan Islam Hadhari

Item	%
1. Pembelajaran kursus Umum Universiti (TITAS, Hubungan Etnik dan lain-lain)	92.7
2. Media massa (surat khabar, majalah dan lain-lain)	73.2
3. Media elektronik (TV, radio, internet, emel, dan lain-lain)	69.8
4. Ucapan-ucapan pemimpin kerajaan (menteri, wakil rakyat, penghulu dan lain-lain)	54.1
5. Penerbitan buku, brosur, pamphlet dan lain-lain	49
6. Aktiviti kurikulum di peringkat kolej dan universiti (persatuan, pidato, debat dan lain-lain)	42.1
7. Ibubapa, keluarga dan rakan-rakan	38.4
8. Papan iklan, poster, bunting di jalan raya	35.7

Selain itu, populariti tentang pendekatan Islam Hadhari juga terserlah melalui program-program khusus yang dijalankan oleh kerajaan dengan kerjasama pihak media, badan berkanun, swasta dan NGO. Contohnya, program ‘Perkampungan Hadhari’ yang dianjurkan di seluruh negara. Dapatan kajian menunjukkan seramai 60.6% dalam kalangan responden mengetahui tentang program ‘Perkampungan Hadhari’ yang sinonim dengan pendekatan Islam Hadhari. Di sini dapat dilihat bahawa media elektronik seperti TV9, TV3 dan lain-lain memainkan peranan menghebahkan program Perkampungan Hadhari. Namun, apa yang dibimbangi adalah pengisian atau aturcara dalam ‘Perkampungan Hadhari’ tidak terkeluar daripada garis panduan yang ditetapkan oleh JAKIM. Program seumpama ini juga tidak boleh mengandungi unsur-unsur hiburan yang keterlaluan atau pembaziran yang tidak bersesuaian dengan pengajaran sepuluh prinsip Islam Hadhari.

### **PEMAHAMAN DAN PENERIMAAN RESPONDEN TERHADAP PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Hasil kajian mendapati bahawa persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari adalah baik dan positif. Ini boleh dilihat daripada keseluruhan min bagi persepsi responden, iaitu 3.3114 yang menandakan bahawa responden memberikan maklum balas dan persepsi sangat bersetuju dengan pendekatan Islam Hadhari. Pemahaman dan penerimaan yang positif dalam kalangan responden juga dapat dilihat pada taburan min bagi setiap angkubah, di mana terdapat sebanyak 24 daripada 26 angkubah berada di aras sangat setuju iaitu nilai min antara 3.250 - 4.0000. Hal ini boleh dirujuk pada Jadual 1. Secara keseluruhannya, responden daripada kalangan belia memberikan maklum balas yang baik dan bersedia memahami serta menerima pendekatan Islam Hadhari.

Di samping itu, terdapat perkaitan yang signifikan ( $p<0.01$ ) di antara persepsi responden dan profil responden iaitu umur, subjek TITAS dan

pendidikan ibu bapa. Faktor umur memperlihatkan kematangan berfikir dan semakin meningkat umur, semakin jelas persepsi responden terhadap pendekatan Islam Hadhari. Begitu juga bagi responden yang sudah mengambil subjek TITAS nampaknya lebih berminat dengan isu-isu kontemporari dan semakin luas pengetahuannya tentang prinsip Islam Hadhari. Responden boleh menerima dan memahami pendekatan Islam Hadhari kerana mereka telah mengikuti pengajaran secara formal dalam kuliah di universiti. Antara lain objektif pembelajaran bagi subjek TITAS ialah untuk melahirkan pelajar yang peka terhadap isu-isu semasa, lokal dan global serta mempunyai pemahaman yang tinggi terhadap prinsip-prinsip ketamadunan Islam. Manakala responden yang mempunyai ibu dan bapa yang berpendidikan tinggi mempunyai persepsi yang lebih baik mengenai pendekatan ini. Ibubapa menjadi contoh teladan yang terbaik untuk anak-anak. Jika ibu bapa sentiasa menyalurkan maklumat penting dan perkembangan semasa kepada anak-anak, maka personaliti anak dapat dibentuk menjadi seorang individu yang peka dengan perkembangan di sekeliling mereka.

Seterusnya dapatan kajian melalui ujian ANOVA-satu hala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pengetahuan yang signifikan ( $p<0.01$ ) dalam kalangan responden berlainan agama, etnik, tempat tinggal, latar belakang pendidikan responden serta pendidikan ibu bapa mereka. Ini bererti responden yang berlainan agama dan bangsa mempunyai persepsi yang berbeza. Dapatkan dalam kajian yang sama oleh Adlina (2010) menunjukkan etnik Melayu mendapat min tertinggi, diikuti oleh bumiputera Sabah & Sarawak, etnik India dan min terendah adalah etnik Cina. Dapatkan ini dipengaruhi oleh jumlah responden yang majoritinya terdiri daripada etnik Melayu yang beragama Islam dan juga kepekaan mereka terhadap isu semasa. Bagi bumiputera Sabah dan Sarawak yang mendapat min kedua tertinggi pula memperlihatkan sifat keterbukaan mereka terhadap penerimaan dasar-dasar kerajaan seperti Islam Hadhari berbanding etnik India dan Cina.

Begitu juga dengan responden yang tinggal di tempat yang berlainan (contohnya di bandar, pinggir bandar dan desa) mempunyai persepsi yang berbeza antara satu sama lain. Mereka yang tinggal di bandar lebih mempunyai akses kepada media massa dan media elektronik berbanding dengan responden yang tinggal di pinggir bandar dan desa. Oleh itu, persepsi mereka terhadap Islam Hadhari juga adalah lebih baik. Demikian juga dengan faktor latar belakang pendidikan responden dan ibu bapa mereka, di mana persepsi dalam kalangan mereka juga berbeza tentang pendekatan Islam Hadhari.

Dari segi sumber maklumat terhadap sebaran tentang pendekatan Islam Hadhari, majoriti responden bersetuju bahawa pembelajaran kursus TITAS yang dipelajari oleh mereka telah menyumbang kepada rating yang tertinggi dalam sebaran maklumat tentang pendekatan ini. Dapatkan ini disokong dengan peratusan yang tinggi (92.7%) dalam kalangan responden yang menyatakan

bahawa pembelajaran subjek TITAS dan juga Hubungan Etnik adalah sumber maklumat yang penting bagi mereka memahami Islam Hadhari. Manakala informasi yang diperolehi daripada media cetak seperti surat khabar, majalah dan lain-lain serta melalui media elektronik contohnya internet, TV, radio dan lain-lain juga telah menambahkan pemahaman dan penerimaan mereka terhadap pendekatan Islam Hadhari. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa sebaran maklumat melalui saluran pendidikan dan media merupakan medium yang harus dimanipulasikan secara positif oleh semua pihak, khususnya bagi pihak kerajaan dalam usaha mempromosikan pendekatan Islam Hadhari kepada segenap ahli dalam masyarakat di negara ini.

## **KESIMPULAN**

Dapatan daripada kajian ini penting untuk mengukur tahap persepsi golongan belia terhadap pendekatan Islam Hadhari. Dengan kefahaman yang jelas dan wadih akan melahir pandangan yang matang dan rasional. Pelaksanaan Islam Hadhari boleh dikatakan berkesan kepada belia yang berada di menara gading, tetapi tidak boleh dibuat pengukuran yang sama kepada golongan belia di Malaysia secara keseluruhannya. Daripada kajian awal yang dilakukan untuk mengkaji persepsi belia terhadap pendekatan Islam Hadhari, dapatlah dirumuskan bahawa persepsi dan penerimaan mereka adalah baik dan positif. Ini kerana majoriti responden terdiri daripada golongan belia yang mempunyai kefahaman yang jelas tentang sepuluh prinsip Islam Hadhari dan telah mempelajarinya secara formal di peringkat IPT.

Di samping itu, program penjelasan tentang pendekatan Islam Hadhari perlulah diperkasakan di semua peringkat agensi kerajaan dan masyarakat. Ini kerana masih ramai lagi dalam kalangan masyarakat umum yang tidak faham tentang prinsip ini malah ada yang masih berpendapat bahawa Islam Hadhari adalah satu ajaran baru. Disarankan agar pendekatan ini diperjelaskan kepada setiap kelompok dalam masyarakat secara praktikal, berkesan dan berterusan. Penerbitan buku, penulisan bebas di akhbar dan majalah ilmiah, artikel untuk jurnal perlulah ditambah. Penampilan poster, bunting, risalah dan lain-lain mengenai Islam Hadhari juga perlu diperbanyakkan kuantitinya. Di peringkat universiti, pihak pengurusan IPTA perlulah merangka program-program modal insan yang berteraskan pendekatan Islam Hadhari kepada semua belia. Ini diharapkan dapat meningkatkan sikap toleransi dan setiaawan antara belia multietnik dalam masyarakat. Selain daripada itu, pendekatan Islam Hadhari perlu diberikan perhatian kepada masyarakat yang bukan beragama Islam agar tidak timbul salah faham yang mengatakan pendekatan ini hanya untuk orang Islam sahaja.

Modus operandi pendekatan Islam Hadhari perlu dimaksimumkan. JAKIM selaku agensi penyelaras bersama-sama tujuh agensi lain (Pejabat Penasihat Agama kepada YAB PM, JASA, JAPIM, JPT, KAGAT, IKIM dan YADIM)

perlulah serius dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pendekatan ini. Artikel menyarankan agar pemantauan yang serius dan berterusan perlu dilaksanakan di peringkat kementerian dan agensinya. Ini untuk memastikan perancangan strategik lima tahun pendekatan Islam Hadhari yang bermula 2006 hingga 2010 dapat difahami oleh semua penjawat awam. Tambahan lagi, kerajaan telah mengedarkan Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2007 Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-Agenzi Kerajaan. Penguatkuasaan Pekeliling Am ini tidak bermakna sekiranya tidak diperaktikkan. Lebih penting pendekatan Islam Hadhari adalah kesinambungan daripada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dilaksanakan terdahulu. Oleh yang demikian, penghayatan dan penerapan nilai-nilai murni melalui pendekatan Islam Hadhari perlulah sentiasa disemai dan dibajai agar ia mendapat perhatian daripada segenap lapisan rakyat.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz M. Zin. 2006a. *Prinsip Kedua: Kerajaan Adil dan Beramanah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab. Aziz M. Zin. 2006b. *Prinsip Keenam: Kehidupan Berkualiti*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab. Ghafar Surip & Badlihisham M. Nasir. 2005. Pelaksanaan Organisasi dan Aktiviti Islam Hadhari di JAKIM: Satu Pengamatan Awal. Kertas Kerja Seminar Kenegaraan dan Ketamadunan: Ke Arah Memahami Islam Hadhari di Malaysia. Anjuran Fakulti Ekologi Manusia & Pusat Islam UPM. Universiti Putra Malaysia, 18-19 Mei.
- Ab. Syukor Husin. 2006. *Prinsip Pertama: Keimanan dan Ketakwaan kepada Allah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Ahmad Badawi. 2006. *Islam Hadhari: A Model Approach for Development and Progress*. Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Abdullah A. Badawi. 2007. *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation (Selected speeches by Prime Minister of Malaysia)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Adlina Ab. Halim. 2010. Perceptions of Multiethnic university Students toward the Islam Hadhari Principle. In Maya K. D., McLellan, J., Ngeow Y. M., Lean M. L. & Wendy Y. M. T (eds.). *Ethnic Relations and Nation Building*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre.
- Ahmad Zahid Hamidi. 2008. Ada Pihak Politikkan Islam Hadhari. *Sinar Harian*, 2 Mei: 16.

- JAKIM. 2005. *Konsep Islam Hadhari Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jamil Khir M. Baharom. 2006. *Prinsip Kesepuluh: Kekuatan Pertahanan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jawiah Dakir. 2006. *Prinsip Ketujuh: Pembelaan Kumpulan Minoriti dan Hak Wanita*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kerajaan Malaysia. 2006. *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (2006-2010)*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Mohd. Kamal Hassan. 2006. *Prinsip Kelapan: Keutuhan Budaya & Moral*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Yusof Hj. Othman. 2006. *Prinsip Kesembilan: Pemuliharaan Alam Semulajadi*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Yusof Hj. Othman. 2007. Isu-Isu yang Menghalang Kelancaran Pelaksanaan Islam Hadhari. *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari 2006*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. 2008. Kaji Semula Pendekatan Islam Hadhari. *Sinar Harian*, 17 April: 15.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. 2008. Jangan Biar Fikiran Tertutup. *Mingguan Malaysia*, 27 Januari: 24.
- Mohamed Shariff Bashir. 2006. Pengenalan: Konsep Islam Hadhari. Dlm. Alina A.R. & Abd. Hamid A.M. (eds.). *Islam Hadhari dan Kehidupan Nilai*: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mustapha A. Rahman. 2007. Pelan Strategik Pelaksanaan 5 Tahun Islam Hadhari: Perancangan dan Pemantauan. *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari 2006*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Nazri Muslim. 2006. Islam Hadhari dan Hubungan Etnik: Penyebaran, Pembaharuan dan Pengisian. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2006. *Prinsip Kelima: Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Pekeling Am Bil. 2 Tahun 2007. 2007. *Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-Agenzi Kerajaan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia,

Pemberitahuan Pertanyaan Dewan Rakyat. 2007. (Jawapan Lisan bagi soalan PR-1143-T10450). JAKIM, Putrajaya, 02.09.2007.

Ridhuan Tee Abdullah. 2005. Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Islam Hadhari. Kertas Kerja Seminar Kenegaraan dan Ketamadunan: Ke Arah Memahami Islam Hadhari di Malaysia. Anjuran Fakulti Ekologi Manusia & Pusat Islam UPM. Universiti Putra Malaysia, 18-19 Mei.

Sarjit S. Gill. 2007. Islam Hadhari dari Perspektif Bukan Islam. Wacana Bulanan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS). Universiti Putra Malaysia, 20 Mac.

Sidek Baba. 2006a. *Prinsip Ketiga: Rakyat Berjiwa Merdeka*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Sidek Baba. 2006b. *Prinsip Keempat: Penguasaan Ilmu Pengetahuan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Shafie M. Salleh & M. Affandi Hassan (eds.). 1991. *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Nik Wan Yusof & Asma Husna Ismail. 2006. *Islam dalam Politik Malaysia: Satu Kritikan terhadap Islam Hadhari*. Kota Bharu, Kelantan: Centre for Political Analysis.